

Isi kandungan untuk Kempen Promosi Tahun Baru Cina 2024 Tap, Track, Win with MAE and Maybank2u

1) Tap Track Win.....Halaman 2 – 10
2) Terma & Syarat Umum.....Halaman 11 – 12



Terma & Syarat

Kempen Promosi Tahun Baru Cina 2024 Tap, Track, Win with MAE and Maybank2u ("**Kempen**") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran 196001000142) & Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran 200701029411) secara kolektif dikenali sebagai "**Maybank**") dan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 1 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat.

1.0 Kelayakan

- a) Kempen ini terbuka kepada individu yang mempunyai ID/akaun Maybank2u (M2U) yang aktif (termasuk pelanggan Maybank Anytime Everywhere ("**MAE**") yang melakukan transaksi yang layak (seperti yang dinyatakan dalam lajur jadual yang bertanda 'Jenis Transaksi Yang Layak' Fasal 2.0 (f) ("**Transaksi Yang Layak**") melalui laman sesawang Maybank2u dan MAE oleh Maybank2u (versi 0.9.14 dan ke atas) ("**Platform Yang Layak**").
 - i. Pelanggan boleh menyemak versi aplikasi MAE oleh Maybank2u ("**aplikasi MAE**") menerusi Apple App Store, Huawei App Gallery dan/atau Google Play Store.
 - ii. Walau bagaimanapun, permainan 'Tap, Track, Win' ("**Permainan**") hanya tersedia di aplikasi MAE yang dimuat turun dari Apple App Store, Huawei App Gallery dan/atau Google Play Store.
 - iii. Pelanggan mesti memastikan bahawa Secure2u mereka didayakan dan diaktifkan pada peranti yang digunakan untuk Platform Yang Layak mengikut Klausula 1(a), yang mana berkenaan.
- b) Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah. Bagi individu di bawah umur lapan belas (18) tahun ("**Bawah umur**"), mereka mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan/atau penjaga yang sah untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan aplikasi MAE adalah pengakuan kepada Maybank bahawa Kanak-Kanak di Bawah Umur telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaganya yang sah untuk menyertai Kempen ini. Terma dan Syarat ini akan dikenakan kepada serta mengikat ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur yang sah dan kesannya adalah sama seperti jika ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur adalah pihak yang bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.
- c) Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria di atas dan telah melakukan Transaksi Yang Layak yang berjaya selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Yang Layak**".

2.0 Mekanik dan Syarat Kempen

- a) Kempen ini akan bermula pada 22^{hb} Januari 2024, pada jam 06:00:00 AM (MYT) dan berakhir pada 29^{hb} Februari 2024, pada jam 11:59:59PM (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] ("**Tempoh Kempen**").
- b) Pelanggan Yang Layak dikehendaki melakukan mana-mana Transaksi Yang Layak melalui mana-mana Platform Yang Layak untuk mendapatkan Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan ("**Penyertaan**" atau "**Penyertaan-penyertaan**") untuk melengkapkan Penjejak (seperti yang ditunjukkan dalam Fasal 2(f)).

- c) Semua Penyertaan Pelanggan Yang Layak hanya sah dalam Tempoh Kempen ini yang dinyatakan dalam Fasal 2(a) di atas. Semua Penjejak akan dimuat semula pada hari pertama setiap bulan dan Penyertaan-penyertaan Pelanggan Yang Layak akan ditetapkan semula kepada sifar.
- d) Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan yang diperoleh setelah melaksanakan Transaksi Yang Layak ditandakan pada setiap ID/akaun Maybank2U individu Pelanggan Yang Layak. Penyertaan yang diperoleh tidak boleh dipindahkan ke ID/akaun Maybank2U lain tidak kira sama ada ID/akaun Maybank2U dimiliki oleh individu yang sama dengan Pelanggan Yang Layak atau tidak.
- e) Pelanggan Yang Layak boleh memperoleh Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan untuk melengkapkan Penjejak dalam Tap, Track, Win dan juga peluang untuk Pulangan Tunai (rujuk pada Fasal 3.0 dan selepasnya) seperti di bawah:

Kaedah	Penyertaan Yang Layak Untuk Menang
Lengkapkan Transaksi Yang Layak sekurang-kurangnya sekali seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2(f) di bawah.	Dapatkan +1 penyertaan untuk Penjejak yang layak
Lengkapkan jumlah transaksi yang ditetapkan bagi setiap Penjejak seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2(f) di bawah.	Dapatkan +1 penyertaan untuk Penjejak yang disiapkan.
Lengkapkan mana-mana 2 Penjejak seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2(f) di bawah .	Dapatkan +1 penyertaan untuk memenangi Pulangan Tunai bagi setiap 2 Penjejak yang lengkap
Lengkapkan Penjejak untuk Muat Semula seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2(f)(3) di bawah (“Penjejak Muat Semula”).	Dapatkan +1 penyertaan untuk memenangi Pulangan Tunai.
Lengkapkan Penjejak untuk Pembayaran Bil seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2(f)(1) di bawah (“Penjejak Pembayaran Bil”).	Dapatkan +1 penyertaan untuk memenangi Pulangan Tunai.

- f) Semasa Tempoh Kempen ini, Pelanggan Yang Layak boleh mendapatkan Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan untuk melengkapkan Penjejak dengan melakukan Transaksi Yang Layak seperti yang ditetapkan di bawah:

No	Transaksi Yang Layak	Amaun transaksi minimum (RM)	Platform untuk Dapatkan Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan			Jumlah Transaksi Yang Layak untuk melengkapkan Penjejak
			Aplikasi M2U	Aplikasi MAE	Web M2U	
1	Lakukan Pembayaran Bil dengan kaedah penerima terus (Terbuka dan Kegemaran) melalui aplikasi MAE atau Web M2U	RM30.00	X	✓	✓	5
2	Lakukan JomPAY (Terbuka dan Kegemaran) melalui aplikasi MAE atau Web M2U	RM30.00	X	✓	✓	5
3	Lakukan Muat Semula (cth. muat semula prabayar mudah alih dan permainan) melalui kaedah penerima terus (Terbuka	RM10.00	X	✓	✓	5

	dan Kegemaran) melalui aplikasi MAE atau Web M2U					
4	Buat pemindahan ASNB.	RM30.00	X	✓	✓	5
5	Lakukan transaksi Tabung Haji M2U.	RM300.00	X	✓	✓	3
6	Buat akaun MAE dan mohon kad debit MAE semasa Tempoh Kempen ini di aplikasi MAE. <i>Untuk lebih jelas, permohonan kad debit MAE yang berjaya bermaksud anda telah mendaftar dan menunggu penghantaran kad. Terpakai hanya bagi permohonan kali pertama untuk kad debit MAE sahaja.</i>	-	X	✓	X	1
7	Buat pesanan melalui Sama-Sama Lokal dalam aplikasi MAE.	RM30.00	X	✓	X	5
8	Buat satu (1) Tabung Individu dalam aplikasi MAE.	RM200.00	X	✓	X	1
9	Daftar masuk ke dalam aplikasi MAE <i>Untuk lebih jelas, Pelanggan Yang Layak mesti menogol butang 'Daftar Masuk Sekarang' di halaman Penjejak Permainan dalam aplikasi MAE.</i>	-	X	✓	X	10 hari untuk Januari 2024. 29 hari untuk Februari 2024. (untuk tujuan Kempen ini, Transaksi Yang Layak akan dijejak sehingga 29 ^{hb} Februari 2024)
10	Pemindahan dana ke Kad/Pinjaman Maybank. Hanya diterima pakai untuk Kad Kredit Maybank dan Pinjaman/Pembiayaan Maybank	RM100.00	X	✓	✓	5
11	Melaksanakan pemindahan dana ke luar negara termasuk: (i) Visa Direct (ii) Pemindahan Luar Negara Maybank (iii) Western Union (iv) Pemindahan Telegraf Asing Maybank	RM1,000.00	X	✓	✓	3

	(v) Pemindahan Maybank-Bakong					
12	Buat pembayaran FPX melalui akaun Maybank2u (dibenarkan melalui SMS TAC atau Secure2u)	RM30.00	X	X	✓	10
13	Buat pembayaran FPX melalui akaun Maybank2u (dibenarkan melalui SMS TAC atau Secure2u)	RM250.00	X	X	✓	5
14	Beli tiket di aplikasi MAE, terpakai untuk: ii. Wayang (WeTix) ii. Penerbangan (AirPaz) iii. Bus (Catch The Bus) iv. ERL (KLIA Ekspres)	RM15.00	X	✓	X	5
15	Keluarkan Wang Tunai menggunakan Pengeluaran Tanpa Sentuh	RM50.00	X	✓	X	3
16	Muat Semula Prabayar Mudah Alih Hotlink melalui aplikasi MAE atau Web M2U.	RM10.00	x	✓	✓	3
17	Bayar Zakat melalui aplikasi MAE atau Web M2U. <i>Terpakai kepada badan Zakat yang tersedia di aplikasi MAE atau laman web M2U sahaja.</i>	RM5.00	x	✓	✓	3
18	Merujukkan kawan melalui aplikasi MAE.	-	x	✓	x	3
19	Melaksanakan pembayaran QR Rentas Sempadan	RM50	x	✓	x	5
20	Mohon untuk Kawanku Savings	-	x	x	✓	1
21	Mohon Akaun Premier M2U melalui aplikasi MAE atau laman web M2U. <i>Hanya terpakai untuk pengguna yang telah berjaya mengaktifkan akaun dengan deposit min. RM500.</i>	RM500.00	x	✓	✓	1
22	Mohon Akaun Zest-i melalui aplikasi MAE atau laman web M2U. <i>Hanya terpakai untuk pengguna yang telah berjaya mengaktifkan akaun dengan deposit min. RM50.</i>	RM50.00	x	✓	✓	1
23	Laksanakan peletakan Deposit eFixed /-i melalui aplikasi MAE atau web M2U. <i>Hanya terpakai untuk pengguna yang telah berjaya membuat peletakan min. RM1,000.</i>	RM1,000.00	x	✓	✓	1
24	Mohon Pemindahan Baki melalui aplikasi MAE atau laman web M2U.	RM1,000.00	x	✓	✓	1

	<i>Terpakai untuk pengguna yang telah berjaya menghantar permohonan.</i>					
25	Mohon mana-mana Kad Kredit Maybank melalui aplikasi MAE atau laman web M2U. <i>Terpakai untuk pengguna yang telah berjaya menghantar permohonan.</i>	-	x	✓	✓	1
26	Mohon EzyPay/-i Plus melalui aplikasi MAE atau laman web M2U. <i>Hanya terpakai untuk pengguna yang telah menukar min. RM500 daripada perbelanjaan Kad Kredit Maybank menjadi ansuran.</i>	RM500.00	x	✓	✓	1
27	Mohon untuk EzyCash Maybank melalui laman web M2U. <i>Hanya terpakai untuk pengguna yang mengeluarkan min. RM2,000 menggunakan Kad Kredit Maybank.</i>	RM2,000.00	x	x	✓	1
28	Mohon Pinjaman Peribadi melalui aplikasi MAE atau laman web M2U. <i>Terpakai untuk pengguna yang telah berjaya menghantar permohonan min. bernilai RM5,000.</i>	RM5,000.00	x	✓	✓	1
29	Mohon Pembiayaan/-i ASB melalui aplikasi MAE atau laman web M2U. <i>Terpakai untuk pengguna yang telah berjaya menghantar permohonan bernilai RM10,000.</i>	RM10,000.00	x	✓	✓	1
30	Mohon untuk Maybank Islamic Gold Account-i <i>Terpakai untuk pengguna yang telah berjaya menghantar permohonan.</i>	-	x	x	✓	1
31	Mohon untuk Perdagangan Saham (Akaun Tunai) <i>Terpakai untuk pengguna yang telah berjaya menghantar permohonan.</i>	RM10.00	x	x	✓	1
32	Mohon untuk akaun Unit Amanah <i>Terpakai untuk pengguna yang telah berjaya menghantar permohonan.</i>	RM1,000.00	x	x	✓	1

33	Mohon untuk Savings Account-i	RM250	x	✓	x	1
34	Mohon untuk Premier Mudharabah Account-i	RM1,000	x	✓	x	1
35	Mohon untuk Premier 1 Account	RM1,000	x	✓	x	1
36	Melaksanakan Pemindahan MaybankHeart	RM10	X	✓	✓	1

- g) Untuk semua Transaksi Yang Layak yang dilakukan melalui laman web M2U dan diluluskan oleh Secure2u,
- Pelanggan Yang Layak perlu memuat turun dan log masuk ke dalam aplikasi MAE untuk menerima Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan masing-masing dalam Permainan.
 - Transaksi Yang Layak seterusnya yang dilakukan di web M2U, jika ada, akan memerlukan Pelanggan Yang Layak untuk melancarkan aplikasi MAE selepas setiap Transaksi Yang Layak untuk Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan dipaparkan di aplikasi MAE.
 - Jika Transaksi Yang Layak dilakukan sama ada pada aplikasi MAE atau laman sesawang Maybank tetapi Secure2u untuk transaksi itu telah diluluskan pada aplikasi M2U MY, Pelanggan Yang Layak tidak akan menerima Penyertaan untuk transaksi tersebut dan transaksi itu dianggap tidak layak untuk memperolehi Penyertaan untuk Sertaan.
- h) Hanya pembayaran yang dibuat melalui Akaun Semasa, Akaun Simpanan Maybank atau Dompot MAE yang sah dan melalui Platform Yang Layak (seperti yang dinyatakan dalam Fasal 1.0 (a)) semasa Tempoh Kempen ini akan layak untuk Kempen ini.
- Pembayaran akan datang/lanjutan yang berlaku melalui Platform Yang Layak selepas Tempoh Kempen ini adalah tidak layak.

Contohnya:

Senario		Penyertaan Yang Layak untuk Transaksi Yang Layak
a	Lima (5) pembayaran bil yang dibuat antara 1 Februari 2024 hingga 29 Februari 2024, dibiayai daripada akaun simpanan Maybank	1 (SATU) penyertaan telah diperolehi untuk Penjejak Yang Disiapkan.
b	Tiga (3) kali muat semula prabayar sebanyak RM10.00 kepada penerima antara 31 Disember 2023 hingga 21 Januari 2024, dibiayai daripada kad kredit	Tiada Penyertaan untuk transaksi yang melibatkan pembayaran yang dibuat melalui kad kredit. Tiada Penyertaan kerana tempoh transaksi adalah sebelum tarikh kempen ini, iaitu pada 22 Januari 2024. Oleh itu, ia tidak memenuhi keperluan 'Transaksi Yang Layak' seperti dalam Fasal 2(f) dan (h).
c	Lima (5) kali muat semula prabayar sebanyak RM10.00 kepada penerima antara 1 Februari 2024 hingga 29 Februari 2024, dibiayai daripada akaun simpanan Maybank	1 (SATU) penyertaan telah diperolehi untuk Penjejak Yang Disiapkan. 1 (SATU) Penyertaan untuk Pulangan Tunai telah diperolehi untuk Penjejak Muat Semula Yang Dilengkapkan.
d	Lima (5) kali Pembayaran Bil sebanyak RM30.00 kepada penerima antara 1 Februari 2024 hingga 29 Februari 2024, dibiayai daripada akaun simpanan Maybank.	1 (SATU) penyertaan telah diperolehi untuk Penjejak Yang Disiapkan. 1 (SATU) Penyertaan untuk Pulangan Tunai telah diperolehi untuk Penjejak Pembayaran Bil yang Dilengkapkan.

3.0 Tempoh Pulangan Tunai

Kelayakan Pulangan Tunai untuk Kempen ini bermula pada 22^{hb} Januari 2024 pada jam 06:00:00 AM (MYT) dan akan berakhir pada 29^{hb} Februari 2024 pada jam 11:59:59 PM (MYT), termasuk kedua-dua tarikh, atau sehingga jumlah had Pulangan Tunai (seperti yang dinyatakan dalam jadual dalam Fasal 5.0(a)(i), Fasal 5(a)(ii), Fasal 5(a)(iii) dan Fasal 5a(iv) di bawah telah habis, yang mana lebih awal) ("**Tempoh Pulangan Tunai**"), untuk transaksi yang disenaraikan dalam Fasal 2.0(f) di atas melainkan diberitahu sebaliknya.

4.0 Pulangan Tunai Kelayakan dan Platform

- a) Pulangan Tunai hanya tersedia kepada semua Pelanggan Yang Layak yang membuka/mempunyai aplikasi Maybank Anytime Everywhere ("**MAE**") yang aktif dalam Tempoh Pulangan Tunai (*untuk tujuan Fasal 3.0 hingga 7.0, "**Pelanggan Yang Layak**" akan digunakan untuk merujuk kepada Pelanggan Yang Layak yang telah memenuhi kriteria di bawah Fasal 4.0*).
- b) Pulangan Tunai ini terpakai untuk Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.0(f) di atas, dilaksanakan melalui aplikasi MAE Versi 0.9.14 dan ke atas atau laman sesawang Maybank2u ("**Platform Kempen**").
- c) Semasa Tempoh Pulangan Tunai ini, Pelanggan Yang Layak adalah layak untuk berpeluang memperoleh Pulangan Tunai dengan melengkapkan Penjejak Transaksi Yang Layak seperti yang ditetapkan dalam Fasal 2(e) di atas.

5.0 Mekanik dan Syarat Pulangan Tunai

- a) Semasa Tempoh Pulangan Tunai, Maybank akan menawarkan kepada semua Pelanggan Yang Layak peluang untuk memenangi Pulangan Tunai sehingga had RM28.00, tertakluk kepada setiap DUA (2) Penjejak yang dilengkapkan dalam bulan yang sama; atau apabila Pelanggan yang Layak melengkapkan Penjejak Muat Semula dalam Fasal 2(f)(3); atau apabila Pelanggan Yang Layak melengkapkan Penjejak Pembayaran Bil dalam Klausula 2(f)(1); (tertakluk kepada ketersediaan, jumlah dan had pulangan tunai harian dan had bagi setiap Pelanggan Yang Layak seperti yang dinyatakan di bawah) ("**Pulangan Tunai**").

i. Pulangan Tunai bagi Setiap DUA (2) Penjejak yang dilengkapkan

1	Nilai pulangan tunai	Pulangan Tunai secara rawak yang berjulat dari minimum RM0.20 hingga maksimum RM28.00.
2	Jumlah Penghadan Pulangan Tunai	Jumlah Pulangan Tunai dihadkan kepada RM300,000.00 sepanjang Tempoh Pulangan Tunai ini (" Jumlah Penghadan Pulangan Tunai ") manakala jumlah Pulangan Tunai setiap hari dihadkan kepada RM44,846.15 (" Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Harian ").
3	Kriteria Kelayakan Minimum	Penyiapan setiap DUA (2) Penjejak dalam Kempen Tap, Track, Win ini.
4	Had Pulangan Tunai bagi setiap Pelanggan Yang Layak	Jumlah nilai Pulangan Tunai RM50 sebulan; Jumlah SEMBILAN BELAS (19) penyertaan dalam Pulangan Tunai setiap bulan, tertakluk kepada Jumlah Penghadan Pulangan Tunai & Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Harian.

ii. Pulangan Tunai bagi setiap Penjejak Muat Semula yang dilengkapkan

1	Nilai pulangan tunai	Pulangan Tunai secara rawak yang berjulat dari minimum RM1.00 hingga maksimum RM8.00.
2	Jumlah Penghadan Pulangan Tunai	Jumlah Pulangan Tunai dihadkan kepada RM130,000.00 sepanjang Tempoh Pulangan Tunai ini (" Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Muat Semula ") manakala jumlah Pulangan Tunai setiap hari dihadkan kepada RM3,461.54 (" Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Muat Semula Harian ").
3	Kriteria Kelayakan Minimum	Penyiapan Penjejak Muat Semula.
4	Had Pulangan Tunai bagi setiap Pelanggan Yang Layak	Jumlah nilai Pulangan Tunai RM8 sebulan; Jumlah SATU (1) penyertaan Pulangan Tunai setiap bulan, tertakluk kepada Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Muat Semula & Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Muat Semula Harian.

iii. **Setiap Pulangan Tunai Penjejak Pembayaran Bil yang dilengkapkan**

1	Nilai pulangan tunai	Pulangan Tunai secara rawak yang berjulat dari minimum RM1.00 hingga maksimum RM8.00.
2	Jumlah Penghadan Pulangan Tunai	Jumlah Pulangan Tunai dihadkan kepada RM320,000.00 sepanjang Tempoh Pulangan Tunai ini (" Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Pembayaran Bil ") manakala jumlah Pulangan Tunai setiap hari dihadkan kepada RM8,205.13 (" Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Pembayaran Bil Harian ").
3	Kriteria Kelayakan Minimum	Penyiapan Penjejak Pembayaran Bil.
4	Had Pulangan Tunai bagi setiap Pelanggan Yang Layak	Jumlah nilai Pulangan Tunai RM8 sebulan; Jumlah SATU (1) penyertaan Pulangan Tunai sebulan, tertakluk kepada Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Pembayaran Bil & Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Pembayaran Bil Harian.

- b) Berdasarkan bilangan Transaksi Yang Layak yang dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam jadual Klausu 5.0(a) di atas, Pelanggan Yang Layak akan menerima Pulangan Tunai seperti yang dinyatakan dalam Klausu 6.0 di bawah.

Ilustrasi

Senario		Pulangan Tunai Yang Layak untuk Transaksi Yang Layak
a	Pelanggan Yang Layak menyiapkan Penjejak Ke-2 dalam Kempen Tap, Track, Win	1x Peluang Pulangan Tunai sehingga RM28 akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun dompet MAE Pelanggan yang Layak, tertakluk kepada Klausu 6(c) & (d).
b	Pelanggan yang Layak menyiapkan Penjejak Ke-3 dalam Kempen Tap, Track, Win	Tiada Pulangan Tunai akan diberikan kerana transaksi tidak memenuhi kriteria kelayakan minimum bagi setiap DUA(2) penjejak yang disiapkan seperti yang ditetapkan dalam Klausu 5.0 (a)(i)(3).
c	Pelanggan Yang Layak menyiapkan Penjejak Ke-4 dalam Kempen Tap, Track, Win	1x Peluang Pulangan Tunai sehingga RM28 akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun dompet MAE Pelanggan yang Layak, tertakluk kepada Klausu 6(c) & (d).

d	Jumlah Pulangan Tunai bulanan yang diperolehi oleh Pelanggan yang Layak telah mencecah RM50	Tiada Pulangan Tunai yang akan diberikan kerana Pelanggan Yang Layak telah mencapai nilai Pulangan Tunai maksimum sebanyak RM50 setiap bulan, seperti yang ditetapkan dalam Fasal 5.0 (a).
e	Pelanggan Yang Layak melengkapkan Penjejak Muat Semula dalam Kempen Tap, Track, Win	1x Peluang Pulangan Tunai sehingga RM8 akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun dompet MAE Pelanggan yang Layak, tertakluk kepada Klausula 6(c) & (d).
f	Pelanggan Yang Layak melengkapkan Penjejak Pembayaran Bil dalam Kempen Tap, Track, Win	1x Peluang Pulangan Tunai sehingga RM8 akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun dompet MAE Pelanggan yang Layak, tertakluk kepada Klausula 6(c) & (d).

6.0 Pulangan Tunai

- a) Nilai Pulangan Tunai untuk dimenangi adalah secara rawak dan berkisar antara minimum RM0.20 hingga maksimum RM28.00 bagi setiap penyiapan DUA (2) Penjejak; atau penyiapan Penjejak Muat Semula dalam Kempen Tap, Track, Win ATAU RM0.00 setelah (i) penggunaan lengkap nilai Pulangan Tunai Bulanan Pelanggan Yang Layak; (ii) apabila mencapai Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Harian seperti yang dinyatakan dalam Fasal 5.0(a)(i), Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Muat Semula Harian seperti yang dinyatakan dalam Fasal 5.0(a)(ii), Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Pembayaran Bil Harian seperti yang dinyatakan dalam Fasal 5.0 (a)(iii); atau (iii) apabila mencapai Jumlah Penghadan Pulangan Tunai, Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Muat Semula atau Jumlah Penghadan Pulangan Tunai Pembayaran Bil kempen ini, seperti yang dinyatakan dalam Fasal 5.0(a)(i) , Fasal 5.0(a) (ii) dan Fasal 5.0(a)(iii) masing-masing.
- b) Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun dompet MAE Pelanggan Yang Layak pada hari berikutnya.
- c) Dalam senario yang mana Pelanggan Yang Layak tidak mempunyai akaun dompet MAE, Pulangan Tunai akan ditahan sehingga hari terakhir pada bulan tersebut sebelum semua penyertaan Tap, Track, Win dimuat semula. Jika Pelanggan Yang Layak telah mencipta akaun dompet MAE sebelum penyertaan dikemas kini untuk bulan tersebut, Pulangan Tunai yang layak akan dibayar balik kepada Pelanggan Yang Layak dalam bulan berikutnya. Jika Pelanggan Yang Layak belum mencipta akaun dompet MAE sebelum penyertaan dimuat semula untuk bulan tersebut, Pulangan Tunai akan dilucuthakkan.
- d) Dalam senario yang mana Pelanggan Yang Layak mempunyai akaun dompet MAE tetapi akaun dompet MAE Pelanggan Yang Layak telah mencapai had maksimumnya, Pelanggan Yang Layak tidak akan menerima Pulangan Tunai. Pulangan Tunai akan ditangguhkan sehingga baki akaun sedia ada digunakan atau dikurangkan dan akaun dompet MAE boleh menerima amaun Pulangan Tunai.

7.0 Pemilihan Pelanggan Yang Layak untuk Pulangan Tunai

- a) Pelanggan Yang Layak akan dimaklumkan tentang Pulangan Tunai yang dimenangi melalui aplikasi MAE dan adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Yang Layak untuk menyemak pemberitahuan tersebut.
- b) Maybank berhak meminta sebarang dokumentasi atau bukti bertulis berkaitan pengenalan, umur, dan tempat kediaman Pelanggan Yang Layak untuk tujuan pengesahan bagi memastikan pematuhan kepada Terma & Syarat.

- c) Maybank berhak untuk membatalkan dan menarik balik Pulangan Tunai yang dimenangi sekiranya Pelanggan Yang Layak tidak mematuhi Terma & Syarat di sini.

Terma & Syarat Umum

- a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemrosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- b) Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- c) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- d) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my (“Maybank Privacy Statement”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- tujuan Kempen; dan
- aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: “PDPA” merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- e) Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau

kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Maybank.

- f) Maybank tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- g) Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- h) Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.